

Kesukarelawan perkuat konsep Keluarga Malaysia

Berita Harian (Minda Pembaca) 21/10/21 (Khamis) m/s: 13

Mohd
Raizahilmy
Mohd Razi,
Presiden
Persatuan
Pegawai Tadbir
dan Ikhtisas
Universiti
Malaysia
Pahang (UMP)

Ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengetengahkan konsep Keluarga Malaysia, secara relatifnya ia adalah suatu konotasi positif yang menarik. Apatah lagi, institusi kekeluargaan terus menjadi agenda penting dalam pembinaan sesebuah masyarakat.

Penggunaan frasa serta konsep Keluarga Malaysia dalam penggubalan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) pula dilihat sebagai hala tuju untuk memastikan tidak ada mana-mana kaum atau kelompok di negara ini ketinggalan dalam usaha menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi.

Ketika negara masih bergelut dengan impak penularan pandemik COVID-19, pendekatan sebegini dilihat sebagai sangat tepat. Apatah lagi dalam konteks kesejahteraan negara dan rakyat demi memperkasakan nilai murni institusi kekeluargaan seperti kasih sayang, toleransi, empati, selain mengutamakan keperluan melindungi, membantu serta jangan biarkan rakyat terus dalam kesusahan.

Justeru, dalam memastikan semuanya terlaksana dan berada pada landasan betul, sikap saling memahami mesti disuburkan dan ia boleh dibuat menerusi semangat kesukarelawan.

Semangat sukarelawan ini bukan perkara asing dan baharu dalam masyarakat kerana ia adalah sebahagian daripada kebiasaan kehidupan masyarakat sejak dulu.

Sukarela dirujuk sebagai bekerja atas kemahuan sendiri. Hari ini ia dapat dilihat ketika melaksanakan sesuatu kerja yang dilakukan secara bergotong-royong dan bekerjasama oleh ahli dalam sesebuah komuniti.

Bagi mendukung aspirasi itu, institusi keluarga dan komuniti amat penting dalam pembentukan sahsiah individu. Ia adalah perkara asas pembentukan sesebuah masyarakat yang bersatu padu,

maju dan mampan. Ia perlu dimantapkan bagi memastikan potensi setiap individu dapat dicapai, sekali gus menyumbang kepada kesejahteraan keluarga dan kemantapan komuniti.

Contohnya aktiviti yang menjadi tumpuan dalam aktiviti sukarelawan seperti aktiviti sukan, kemasyarakatan, kebajikan dan badan beruniform yang secara langsung dapat meningkatkan keupayaan sesebuah komuniti dalam memberi nilai kepada

pembangunan insan khususnya belia.

Di negara Barat seperti Amerika Syarikat, kesukarelawan menjadi inti pati kepada integrasi sosial yang dapat diguna untuk meningkatkan keupayaan komuniti bermasalah. Semangat sukarelawan juga berpotensi menjadi wadah kepada pembangunan komuniti.

Mengambil beberapa pendekatan semasa, setiap program yang dirangka perlu menekankan aspek kesukarelawan melalui pembabitan kepelbagaian kaum oleh masyarakat umum.

Selain itu, budaya kesukarelawan dalam kalangan generasi muda perlu diperkasa kerana ia mampu meningkatkan semangat cintakan negara, saling menghormati dan toleransi antara kaum di negara ini.

Peningkatan pembabitan kelompok belia khususnya dengan aktiviti sukarela dilihat sebagai petanda yang baik ke arah pembentukan pemikiran positif, selain dapat membangunkan personaliti yang mantap dalam kalangan warga kampus.

Mereka perlu melengkapkan diri dengan kemahiran berkomunikasi, keupayaan menyesuaikan diri pada pelbagai peringkat, mempunyai kekuatan jati diri dan rangkaian profesional serta kepemimpinan.

Hakikatnya, aktiviti yang menggabungkan penyertaan masyarakat semua kaum tanpa mengira latar belakang keturunan dan agama wajar diperbanyakkan.

Dalam hal ini golongan pendidik antara kumpulan yang perlu mengambil kesempatan untuk menyuntik semangat kesukarelawan dalam kalangan belia.

Ilmu sebegini juga perlu dibangunkan secara menyeluruh supaya masyarakat didedahkan dengan sifat dan falsafah kesukarelawan secara berterusan kerana ia secara tidak langsung memupuk keharmonian sejagat sejajar konsep kebersamaan dalam Keluarga Malaysia.



Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan banyak dibantu tenaga sukarelawan, sekali gus menjayakan misi vaksinasi rakyat Malaysia. (Foto hiasan)